








Teks	Slide
<p style="text-align: center;">KHUTBAH KHAS DARI PUSAT PUNGUTAN ZAKAT (PPZ) TAJUK : KEWAJIPAN BERZAKAT 25 DISEMBER 2009</p>	1
<p style="text-align: center;">اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ، اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ اَلْقَائِلِ:</p>	2
<p style="text-align: center;">يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اَنْفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ مِّنْ قَبْلِ اَنْ يَّاتِيَ يَوْمٌ لَاْ يَبِيعُ فِيْهِ وَلَا خُلَّةٌ وَلَا شَفَعَةٌ وَالْكَافِرُونَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١٤﴾</p>	3
<p style="text-align: center;">اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلَهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهٗ. وَاَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهٗ وَرَسُوْلُهٗ.</p>	4
<p style="text-align: center;">اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَاَصْحَابِهٖ اَجْمَعِيْنَ.</p>	5
<p style="text-align: center;">اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اِتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ التَّقْوٰى وَرَاقِبُوْهُ فِى السِّرِّ وَالنَّجْوٰى وَالتَّقْوٰى اللّٰهَ يَا اَوْلٰى الْاَبْصَارِ.</p>	6
<p>Sidang Jumaat yang mulia,</p> <p>Pada hari yang mulia ini, saya memperingatkan diri saya dan sidang jemaah yang dimuliakan, marilah kita sama-sama bertakwa kepada Allah SWT, agar kita dapat melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala tegahanNya. Moga-moga dengan itu, hidup kita sentiasa dicucuri rahmat dan dianugerahkan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.</p>	7
<p>Mimbar jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "Kewajipan Berzakat"</p>	8
<p>Sidang Jumaat yang mulia,</p> <p>Firman Allah S.W.T di dalam surah al Imran ayat 14</p> <p style="text-align: center;">زَيْنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِيْنَ وَالْقَنْطَرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ذَلِكَ مَتَعُ الْحَيٰوةِ الدُّنْيَا وَاللّٰهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَآبِ ﴿١٤﴾</p>	9
<p>Yang bermaksud:</p> <p>Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-</p>	10

<p>benda nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak pinak, harta benda yang banyak berpikul-pikul, dari emas dan perak, kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih: dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu syurga).</p>	
<p>Dari ayat yang mulia itu, telah jelas bagi kita bahawa tabiat semulajadi manusia terlalu sayang harta benda mereka, sedangkan semua harta benda adalah anugerah Allah S.W.T kepada makhlukNya jua. Semua harta benda adalah pinjaman daripada Allah S.W.T di atas sifat Rahman dan RahimNya jua untuk dimanfaatkan oleh manusia dengan sebaik-sebaiknya.</p>	11
<p>Di dalam hubungan ini marilah sama-sama kita berfikir sejenak apakah tujuan sebenar harta benda ini? Apakah tujuan sebenar kita bertungkus lumus mencari harta? Apakah matlamat akhir kita menggunakan serta membelanjakan semua harta benda kita?</p>	12
<p>Halalkah ia atau haramkah harta-harta yang telah kita dapati? Janganlah dengan sebab mencari harta manusia lupa kepada Allah Azza Wajalla. Bergaduh sesama sendiri, lebih-lebih lagi sehingga memusnahkan tali silaturrahim sesama manusia.</p>	13
<p>Firman Allah Azza Wajallah di dalam Surah Al-Kahfi ayat 46</p> <p style="text-align: center;">  </p> <p>Yang bermaksud: Harta benda dan anak pinak itu, adalah perhiasan hidup di dunia, dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.</p>	14
<p>Maka jelaslah bahawa dan anak-anak adalah perhiasan yang menambah keindahan kehidupan manusia di dunia, dan amal yang soleh jua yang akan kekal untuk dibawa ke akhirat nanti.</p>	15
<p>Harta bukanlah hak mutlak manusia. Harta boleh dilenyapkan oleh Allah di dalam sekejap mata sahaja, dan bila-bila masa jua. Kerana itu pemilik-pemilik harta janganlah lupa diri dan lupa kepada Allah 'Azza Wajalla yang sebenar-benar memiliki seluruh dunia ini. Inilah pengajaran utama yang terkandung di dalam ayat pertama Surah Al-Fatihah yang dibaca setiap hari di dalam solat kita.</p>	16
<p>Di dalam harta-harta milik kita, Allah telah pun menentukan hak-hak para fakir dan miskin. Firman Allah di dalam Surah Az-Zariat ayat 19,</p> <p style="text-align: center;">  </p> <p>Yang bermaksud: dan pada harta-harta mereka (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang-orang yang meminta dan orang-orang miskin yang menahan diri (daripada meminta – kerana sifat-sifat terpujinya).</p>	17
<p>Jelaslah di dalam pengajaran agama kita bahawa bukanlah menjadi hak kita sepenuhnya terhadap semua harta yang dimiliki, melainkan ada bahagian-</p>	18

bahagian tertentu yang Allah fardukan untuk diberi kepada para fakir dan lain-lain seperti tertera di dalam hukum zakat ke atas tiap-tiap orang Islam, iaitu kewajipan mengeluarkan kadar tertentu daripada harta miliknya apabila cukup haul dan nisabnya.	
Maka janganlah kita merendah-rendahkan kewajipan berzakat kerana ia adalah asas agama – salah satu daripada rukun Islam yang lima. Selain itu, zakat mengajar manusia membersihkan harta yang dimilikinya, menyuburkan semangat persaudaraan dan tolong menolong sesama Islam, malahan zakat memperkuat ekonomi umat Islam. Zakat adalah tunggak ekonomi masyarakat Islam. Zakat akhirnya mencapai keredhaan Allah di dunia dan akhirat.	19
Firman Allah S.W.T di dalam Surah Al-A'la ayat 14 berbunyi <div style="text-align: right;"></div> Yang bermaksud: " Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang membersihkan dirinya	20
Malapetaka akan menimpa manusia yang tidak berzakat. Masyarakat Islam yang tidak menyempurnakan tuntutan-tuntutan zakat dari dahulu hingga sekarang menghadapi bala dan dugaan-dugaan besar daripada Allah jua.	21
Sidang jumaat yang dirahmati Allah Kesimpulan yang diambil daripada khutbah hari ini ialah seperti berikut : Pertama : Semua harta yang kita miliki adalah merupakan pinjaman daripada Allah swt. Kedua : Setiap harta itu bukanlah hak mutlak kita dan boleh diambil oleh Allah swt pada bila-bila masa. Ketiga : Zakat adalah antara kewajipan asas agama dan ingatan Allah swt dengan malapetaka yang akan menimpa mereka yang ingkar dengan kewajipan ini.	22
Mengakhiri khutbah ini marilah sama-sama kita menghayati dan merenung ancaman dan peringatan Allah di dalam ayat 35 dan 36 Surah At-Taubah ini. <div style="text-align: right;"></div> <div style="text-align: center;"></div> <div style="text-align: center;"></div> <div style="text-align: center;"></div>	23
Yang bermaksud: Dan orang-orang yang menyimpan emas, perak dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksaan yang tidak terperi sakitnya (iaitu) pada hari	24

<p>dibakar emas dan perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu dibakar denganya dahi mereka dan rusuk mereka, serta belakang mereka, (sambil dikatakan kepada mereka inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri. Oleh itu, rasakanlah (azab dari) apa yang kamu simpan itu.</p>	
<p>بَارِكِ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .</p>	<p>25</p>